



11.30 pagi, 7.10.2024

Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

7.10.2024 LAPORAN STATUS SWSI SEBERANG PERAI 1: PEMULIHAN BEKALAN 85%

- **Perkhidmatan bekalan air telah pulih untuk dianggarkan 100,300 daripada 118,000 pengguna di Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS).**
- **Kakitangan PBAPP menyegerakan kerja-kerja 'de-airing' saluran paip di pelbagai lokasi di SPT dan SPS untuk menormalkan bekalan air sepenuhnya untuk pengguna di kawasan tanah tinggi dan kejiranannya hujung paip agihan (HPA).**

PULAU PINANG, Isnin, 7.10.2024, 11.30 pagi: PBAPP telah menormalkan perkhidmatan bekalan air untuk 85% pengguna di Seberang Perai berikutan gangguan bekalan air dari 4.10.2024 hingga 6.10.2024, baru-baru ini.

Sehingga jam 10.00 pagi hari ini, perkhidmatan bekalan air telah dipulihkan kepada anggaran 100,300 daripada 118,000 pengguna di Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS).

2 bahagian yang telah dibaiki bagi saluran paip air terawat utama 1.2m di Jalan Pengkalan Tambang dan Politeknik Permatang Pauh berfungsi sepenuhnya.

PBAPP telah memulakan semula pengeluaran air terawat yang optimum dan kerja-kerja pengepaman air terawat di Loji Rawatan Air Sungai Dua.

Walau bagaimanapun, pengguna di kawasan kejiranannya berikut telah mengadu bahawa mereka belum menerima bekalan air:

- Perkampungan Juru
- Taman Seruling Emas
- Sungai Duri Indah
- Taman Widuri
- Taman Kesumba
- Jalan Sungai Duri
- Persiaran Jawi Golf Resort
- Tasek Junjong



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs



Sehubungan itu, kakitangan PBAPP telah ditugaskan untuk menangani isu-isu tertentu di setiap kejiranan. Pasukan kerja kami juga sedang mempercepatkan kerja-kerja ‘de-airing’ saluran paip di pelbagai lokasi di SPT dan SPS untuk memulihkan bekalan air sepenuhnya secepat mungkin.

Kami memohon kesabaran dan pemahaman yang baik daripada semua pengguna yang terjejas. PBAPP akan terus menyiaran kemas kini status pemulihan di FB.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my